



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
PROGRAM GEMPAK INSPIRASI @ SEPAGI BERSAMA PERSEKUTUAN
PERKUMPULAN WANITA SARAWAK (PPWS)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN WISMA SABATI, PETRA JAYA I
16 OGOS 2025 (SABTU) | 11.30 PAGI**

Kemas kini 15 Ogos 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Keluarga Malaysia MADANI.**

SALUTASI (Akan disediakan)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

1. Alhamdulillah, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam suasana penuh semangat di **Program Gempak Inspirasi bersama PPWS**. Sejak tahun 1962, PPWS telah menjadi tulang belakang komuniti wanita di Sarawak — membawa pendidikan asas, literasi kewangan, kemahiran hidup dan membina keyakinan wanita dari kampung hingga ke bandar.

USAHA & INITIATIF KPWKM

Puan-puan dan tuan-tuan,

2. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terutamanya untuk wanita. Melalui setiap agensi kami, kita telah membantu membuka peluang kepada wanita di seluruh negara melalui pelbagai program. Antara inisiatif dan program adalah:

- **Program Wanita Gig@BIT** yang membimbing dan membuka peluang ekonomi digital kepada wanita sambil membina daya tahan digital dalam menghadapi cabaran dunia digital. Program ini melatih kemahiran **e-dagang, pemasaran digital, fotografi dan video serta kesedaran generatif AI dan keselamatan siber**. Kami telah bekerjasama dengan **Maxis dan Canon** untuk melaksanakan program ini.

- **Program KASHnITa** untuk memperkasakan ibu tunggal melalui tiga modul – pengetahuan perundangan, pengurusan kewangan dan pembangunan potensi diri.
- **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** adalah satu pusat rujukan yang menawarkan kaunselling, bimbingan psikososial dan intervensi krisis secara bergerak. PSSS mempunyai trak, bas serta dapat membuka booth di mana-mana tempat yang sesuai di seluruh negara.

- **Kempen WeCare** adalah kempen kesihatan reproduktif yang menawarkan saringan mamogram dan serviks bersubsidi di Klinik Nur Sejahtera LPPKN. Fokusnya jelas — pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa.
- **Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS)** adalah sebuah badan khas yang kita tubuhkan pada 8 Mac 2024 di bawah Akta Antigangguan Seksual 2022.

Tujuannya jelas — untuk mendengar dan memutuskan aduan gangguan seksual secara bebas, adil dan saksama. Berbeza dengan mahkamah, prosesnya lebih mudah, cepat, dan kosnya rendah.

Yuran untuk memfaiklan aduan hanyalah RM30, tidak perlu peguam, dan keputusan disasarkan keluar dalam tempoh 60 hari sahaja. Sehingga 24 Jun 2025, TAGS telah menerima 43 aduan, dengan pampasan yang diberikan antara RM1,000 hingga RM60,000.

Kes yang dibawa meliputi pelbagai bentuk — daripada sentuhan tanpa izin, komen atau mesej lucah, rakaman rahsia, sehingga penyebaran gambar intim.

AI, TEKNOLOGI & MASA DEPAN WANITA

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Kita kini berada dalam era teknologi yang berkembang dengan sangat pantas — kecerdasan buatan (AI). Dunia bercakap tentang bagaimana teknologi akan mengubah pekerjaan, pendidikan dan kehidupan sehari-hari. Tetapi kita juga perlu sedar, tanpa kesedaran dan kemahiran yang betul, wanita boleh ketinggalan dalam arus ini.

4. Itulah sebabnya, selain memperkasa wanita dari segi ekonomi dan sosial, kita juga perlu memberi **pemerkasaan digital** kepada mereka — supaya wanita bukan sahaja pengguna teknologi, tetapi juga pencipta, inovator dan pemimpin dalam bidang ini.

SERUAN KEPADA PPWS

Hadirin yang saya hormati,

5. Saya mahu mencabar PPWS supaya menjadi peneraju inisiatif baharu yang memberi manfaat terus kepada wanita di lapangan dalam menghadapi dunia teknologi baharu ini.

6. Bayangkan, PPWS bekerjasama dengan universiti, institusi TVET, dan syarikat teknologi untuk:

- menyediakan latihan AI & kemahiran digital asas untuk wanita terutamanya luar bandar.
- Membangunkan program mentor-mentee antara profesional teknologi dan komuniti wanita
- membuka peluang pekerjaan jarak jauh yang memanfaatkan teknologi terkini

7. Jika kita bermula hari ini, saya yakin Sarawak boleh menjadi model negeri yang melahirkan wanita berdaya saing dalam dunia digital.

PENUTUP

8. Saya berharap agar PPWS sebagai salah satu pertubuhan yang dekat di hati saya, akan terus maju dan berinovasi dalam membawa suara dan aspirasi wanita Sarawak ke hadapan.

9. Kita tidak boleh hanya menjadi penonton kepada perubahan dunia. Kita mesti menjadi sebahagian dari pencetusnya.
10. Akhir kata, marilah kita terus menyokong antara satu sama lain dalam menjadikan komuniti sebagai agen perubahan, berdaya saing, berdaya tahan dan bersifat Inklusif.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukatanya merasmikan Program Gempak Inspirasi @Sepagi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS).

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 Ogos 2025**